




Building Sustainable Future
TOGETHER

PENENTUAN PENDAPATAN BERCUKAI SYARIKAT

DISEDIAKAN OLEH : CAWANGAN WANGSA MAJU

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022





SKOP PERBINCANGAN

- PENGENALAN
- ATURAN PENENTUAN PENDAPATAN BERCUKAI
- TEMPOH ASAS
- PENDAPATAN KASAR SYARIKAT
 - ❖ Pendapatan kasar perniagaan
 - ❖ Pendapatan Pendapatan kasar dividen
 - ❖ kasar faedah/ royalti/ sewa/ berkala lain
 - ❖ Pinjaman kepada pengarah
 - ❖ Pendapatan boleh diperoleh atas permintaan
- PENDAPATAN LARASAN
 - ❖ Belanja dibenarkan –Subseksyen 33(1)
 - ❖ Belanja yang tidak dibenarkan Subsekyen 39(1)

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

PENGENALAN

SKOP PENGENAAN CUKAI – SEKYEN 3 AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Tertakluk kepada dan mengikut Akta Cukai Pendapatan, suatu cukai yang dikenali sebagai cukai pendapatan hendaklah dikenakan bagi setiap taksiran atas pendapatan mana-mana orang yang mengakru dalam atau terbit dari Malaysia atau terima dalam Malaysia dari luar Malaysia

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

PENGENALAN

KELAS-KELAS PENDAPATAN YANG BOLEH DIKENAKAN CUKAI-SEKSYEN 4

- a) Laba atau keuntungan daripada suatu perniagaan, bagi apa-apa jua tempoh masa ia dijalankan – perenggan 4(a)
- b) Laba atau keuntungan daripada suatu penggajian – perenggan 4(b)
- c) Dividen, faedah atau diskaun – perenggan 4(c)
- d) Sewa, royalti atau premium – perenggan 4(d)
- e) Pencen, anuiti atau bayaran-bayaran berkala lain yang tidak termasuk di bawah mana-mana perenggan di atas – perenggan 4(e)
- f) Laba atau keuntungan yang tidak termasuk di bawah mana-mana perenggan di atas – perenggan 4(f)

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

PENENTUAN PENDAPATAN BERCUKAI SYARIKAT MENGIKUT SEKSYEN 5



- Cukai kena dibayar oleh syarikat, badan amanah, PLT, koperasi berdasarkan amaun pendapatan bercukai.
- Pendapatan bercukai bagi suatu TT ditentukan mengikut aturan seksyen 5
- Pendapatan berkanun semua punca pendapatan diagregatkan untuk menentukan pendapatan bercukai bagi pengiraan cukai kena dibayar

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

ATURAN PENENTUAN PENDAPATAN BERCUKAI SUBSEKSYEN 5(1)



- Subseksyen 5(1) menetapkan aturan bagaimana pendapatan bercukai ditentukan seperti jadual berikut :

Perenggan	Perkara
5(1)(a)	Tempoh asas setiap punca pendapatan bagi suatu tahun
5(1)(b)	Pendapatan kasar daripada setiap punca pendapatan bagi tempoh asas untuk suatu tahun
5(1)(c)	Pendapatan larasan daripada setiap punca pendapatan (termasuk kerugian larasan perniagaan) bagi tempoh asas untuk suatu tahun.
5(1)(d)	Pendapatan berkanun daripada setiap punca pendapatan bagi suatu tahun.
5(1)(e)	Pendapatan agregat dan seterusnya jumlah pendapatan bagi suatu tahun.
5(1)(f)	Pendapatan bercukai bagi suatu tahun

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

PERINGKAT PENGIRAAN PENDAPATAN



Building Sustainable Future
TOGETHER

PENDAPATAN KASAR

PENDAPATAN LARASAN

PENDAPATAN BERKANUN

PENDAPATAN AGREGAT

JUMLAH PENDAPATAN

PENDAPATAN BERCUKAI

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

ATURAN PENENTUAN PENDAPATAN BERCUKAI SUBSEKSYEN 5(2)

Pendapatan / kerugian larasan perniagaan bagi mana-mana tempoh boleh ditentukan walaupun:

- orang berkenaan tidak lagi memiliki punca-punca tersebut sebelum tempoh itu; atau
- dalam tempoh itu punca tersebut telah tidak menghasilkan apa-apa pendapatan lagi.



TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

TEMPOH ASAS (SEKSYEN 20-21A)

SKOP PENGENAAN CUKAI

- Seksyen 3
- Perenggan 28 Jadual 6
-

PERENGGAN 5(1)(a)

- Tempoh asas ditentukan sebelum pendapatan kasar dan lain-lain ditentukan untuk mendapat pendapatan bercukai

SEKSYEN 21

- Cukai pendapatan yang dikenakan ke atas pendapatan perniagaan ditentukan berdasarkan tempoh asas punca tersebut. Bagi punca pendapatan perniagaan, tahun asas sesuatu tahun taksiran adalah tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

SEKSYEN 21A

- Tempoh asas untuk suatu tahun taksiran
- Sama ada tahun berakhir 31/12 @ tempoh perakaunan (12 bulan)

RUJUKAN LAIN

- Ketetapan Umum 8/2014 Tempoh Asas Bagi Suatu Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan Amanah Dan Koperasi.

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022



PENDAPATAN KASAR BAGI SYARIKAT

Perenggan 5(1)(b)

- Pendapatan kasar ditentukan
- Seksyen 22 – 30 (kecuali seksyen 25)

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

PENDAPATAN KASAR- SEKSYEN 22



Peruntukan am yang menetapkan pendapatan kasar bagi tempoh asas untuk suatu TT

Termasuk semua pendapatan boleh diterima untuk suatu punca pendapatan bagi tempoh tersebut.



Contoh: Syarikat menjalankan aktiviti pemborongan

Pendapatan kasar termasuk jualan tunai, jualan kredit, pulihan hutang lapuk dan pampasan insurans.

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

Pendapatan Kasar :

- Apa-apa jumlah yang boleh diterima/ disifatkan sebagai diterima.
 - a) Insurans, tanggung rugi, rekupmen, ganti rugi bayaran ganti @seumpamanya.
 - ❖ Belanja pasti & boleh dibenarkan potongan dalam menentukan pendapatan larasan
 - ❖ Di bawah kontrak tanggung rugi
 - b) Pampasan kehilangan pendapatan.



TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

PENDAPATAN KASAR PERNIAGAAN - SEKSYEN 24

Subseksyen 24(1)



Hutang perdagangan

Subseksyen 24(1A)



Bayaran pendahuluan

Subseksyen 24(2)



Ambilan stok perdagangan

Subseksyen 24(4) &(5)



Pendapatan dividen & faedah

Subseksyen 24(6)



Jualan eksport

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

HUTANG PERDAGANGAN- SUBSEKSYEN 24(1)

Hutang yang terbit daripada:

a -

- jualan stok perdagangan semasa menjalankan perniagaan;

aa -

- stok perdagangan dilepaskan (parted with) disebabkan elemen paksaan;

b -

- perkhidmatan diberi atau akan diberi semasa menjalankan perniagaan; atau

c -

- kegunaan atau menikmati (enjoyment) harta yang diuruskan atau akan diuruskan semasa menjalankan perniagaan.

Adalah **pendapatan kasar dalam tempoh ia berlaku.**

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

HUTANG PERDAGANGAN - SUBSEKSYEN 24(1)

Pendapatan perniagaan diiktiraf

menggunakan asas akruan.

Tarikh penerimaan sebenar balasan
terhadap jualan stok / perkhidmatan

adalah diabaikan

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

BAYARAN PENDAHULUAN - SUBSEKSYEN 24(1A)

Bayaran pendahuluan yang diterima (advance payment)

- atas perkhidmatan **akan diberikan**/ mana-mana harta dinikmati/ diguna **akan diuruskan** dalam tempoh asas berkaitan

Bayaran diterima adalah pendapatan kasar dalam tempoh asas ia diterima

- walaupun tidak terdapat hutang berkaitan perkhidmatan / harta

Perbezaan dengan subseksyen 24(1)

- hutang belum wujud kerana perkhidmatan belum dilaksanakan
- liabiliti untuk membayar belum wujud

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

AMBILAN STOK PERDAGANGAN - SUBSEKYEN 24(2)

Ambilan stok perdagangan

(1) untuk kegunaan sendiri –
perenggan 24(2)(a)

(2) tanpa balasan atau dengan balasan -
perenggan 24(2)(b)

Nilai pasaran pada masa stok diambil akan diambil kira sebagai pendapatan kasar perniagaan

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

PENDAPATAN DIVIDEN - SUBSEKSYEN 24(4)

Dividen terbit daripada stok perdagangan yang berupa saham atau pelaburan lain

- Pendapatan kasar perniagaan - perenggan 4(a).

Syarikat urus niaga saham (share dealing company)

- Saham merupakan stok perdagangan
- Dividen terhasil daripada saham yang belum terjual
- Dividen diterima adalah pendapatan kasar perniagaan mengikut perenggan 4(a) bagi tempoh dividen tersebut dibayar, dikredit atau diagihkan

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

PENDAPATAN FAEDAH - SUBSEKSYEN 24(5)

Pendapatan faedah terbit daripada


Debenture, gadai janji atau pelaburan lain yang merupakan stok dagangan contohnya syarikat urusniaga pelaburan (investment dealing co)

Perniagaan pinjaman wang berlesen di bawah mana-mana undang-undang bertulis

Faedah diterima adalah pendapatan perniagaan mengikut perenggan 4(a)

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

PENDAPATAN DARIPADA EKSPORT - SUBSEKSYEN 24(6)



TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

PENDAPATAN KASAR DIVIDEN - SEKSYEN 26

Pendapatan kasar dividen disifatkan diterima dari Malaysia oleh syarikat

dicukai pada masa ia
dibayar, dikreditkan atau
diagihkan

Dividen dianggap dikreditkan

pada hari pembayar
mengkreditkan amaun
tersebut ke dalam akaun
penerima

Dividen adalah terakru kepada
pemegang saham

pada tarikh bayaran dan
bukannya pada tarikh ia
diisytiharkan

Dividen diterima pada/ selepas 1.1.2008 - Percukaaian
Satu Peringkat

Dikecualikan Cukai— *per. 12B Jad. 6*

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

PENDAPATAN KASAR FAEDAH, DISKAUN, SEWA, ROYALTI, ANUITI, BAYARAN BERKALA LAIN - SEKSYEN 27

Faedah, diskaun, sewa, royalti, anuiti atau bayaran berkala lain yang boleh diterima di M'sia

pendapatan kasar apabila ia diterima bagi tempoh asas pendapatan itu pertama kali boleh diterima

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

PENDAPATAN KASAR LAIN - SEKSYEN 28

Pendapatan diterima dlm suatu tempoh yang tidak diperuntukkan mengikut seksyen 24 - 27

pendapatan kasar bagi tempoh asas ianya diterima



Jika pendapatan diterima mengandungi suatu yg mempunyai nilai pasaran

pendapatan kasar adalah bersamaan nilai pasaran pd masa ianya diterima

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

PERUNTUKAN KHUSUS - PINJAMAN DAN PENDAHULUAN KEPADA PENGARAH - SEKSYEN 140B



Pinjaman/ pendahuluan

tanpa faedah / kadar faedah < kadar pasaran



Disifatkan pendapatan faedah per. 4(c) jika

pinjaman dibiayai daripada dana dalaman

pengarah pegang 20%/ lebih saham biasa syarikat

Dana dalaman - lebihan dana daripada suntikan modal, keuntungan tertahan dan rizab syarikat

Dana luaran - pinjaman daripada pihak ketiga

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

FORMAT PENGIRAAN CUKAI UNTUK PENDAPATAN PERNIAGAAN [s4(a)]

PENDAPATAN KASAR PERNIAGAAN

- | | |
|--------------------------------|-----------|
| • Pendapatan kasar perniagaan | xx |
| • (-) Belanja dibenarkan | xx |
| • (+) Belanja tidak dibenarkan | <u>xx</u> |

PENDAPATAN LARASAN PERNIAGAAN

- | | |
|----------------------------------|-----------|
| • Pendapatan larasan perniagaan | xx |
| • (+) Kenaan imbangan | <u>xx</u> |
| • | xx |
| • (-) Elaun modal/Elaun imbangan | <u>xx</u> |

PENDAPATAN BERKANUN PERNIAGAAN

- | | |
|--|-----------|
| • Pendapatan berkanun perniagaan I | xx |
| • (+) Pendapatan berkanun perniagaan II | <u>xx</u> |
| • Agregat pendapatan berkanun perniagaan | xx |
| • (-) Rugi perniagaan b/h – ss 43(2) | <u>xx</u> |
| • | xx |

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

Pengiraan pendapatan larasan /kerugian larasan

Pendapatan Kasar perniagaan		XXXX
Tolak: Perbelanjaan yang dibenarkan		
Seksyen 33	XXX	
Seksyen 34	XXX	
Seksyen 34A	XXX	
Seksyen 34B	XXX	
Seksyen 34C	XXX	
Seksyen 34D	XXX	
Jumlah potongan yang dibenarkan	XXX	
Tolak: Seksyen 35	XXX	XXXX
Pendapatan larasan / kerugian larasan		<u>XXXX</u>

PERBELANJAAN YANG DIBENARKAN MENGIKUT AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

PERUNTUKAN AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 ACP

Subseksyen 33(1)

" ... *the adjusted income of a person from a source for the basis period for a year of assessment shall be an amount ascertained by deducting from the gross income of that person from that source for that period **all outgoings and expenses wholly and exclusively incurred** during that period by that person in the production of gross income from that source ...*"

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

KRITERIA UJIAN

1) Belanja pasti (outgoings) dan belanja (expenses)

2) Kesemuanya dan semata-mata

3) Dilakukan dalam tempoh itu

4) Dalam menghasilkan pendapatan kasar

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

BELANJA PASTI DAN BELANJA

BELANJA PASTI

Termasuk yg bukan melibatkan wang secara langsung spt hapus kira hutang lapuk, stok atau sampel produk yang diberi kepada pelanggan sebagai promosi

BELANJA

Melibatkan aliran keluar tunai atau bayaran melibatkan wang

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

BELANJA PASTI DAN BELANJA

KESEMUANYA

Merujuk kepada kuantum perbelanjaan.

SEMATA-MATA

- merujuk kepada motif atau tujuan perbelanjaan pada masa ia dilakukan.
- Ia adalah berhubung dengan punca pendapatan berkenaan.

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

DILAKUKAN DALAM TEMPOH

- Perbelanjaan yg layak diberi potongan adalah berkait dengan aktiviti perniagaan dan keuntungan yg akan ditaksir.
- Ia mesti dilakukan dalam tempoh keuntungan diperolehi.
- Perbelanjaan pra operasi perniagaan atau selepas perniagaan ditamatkan tidak layak dipertimbangkan sebagai potongan
- Walau bagaimanapun KU 11/2013 menyenaraikan belanja pra operasi yang boleh dibenarkan sebagai potongan

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

DALAM MENGHASILKAN PENDAPATAN KASAR

- Suatu belanja hanya boleh dibenarkan sbg potongan jika punca suatu pendapatan telah sedia wujud dan sedia hasilkan pendapatan.
- Ia berbeza dengan rangkaikata untuk menghasilkan pendapatan.
- W/bagaimanapun dalam menghasilkan pendapatan kasar tidak bermaksud perbelanjaan dilakukan mesti menghasilkan pendapatan dlm tempoh asas belanja tersebut dilakukan bagi membolehkan potongan diberi.

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

PERBELANJAAN YANG TIDAK DIBENARKAN MENGIKUT AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

PERUNTUKAN AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 ACP

Subseksyen 39(1)

" ... Subject to any express provision of this Act, in ascertaining the adjusted income of any person from any source for the basis period for a year of assessment no deduction from the gross income from that source for that period shall be allowed in respect of..."

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

DOMESTIK & PERSENDIRIAN

PER. 39(1)(a)

- Perbelanjaan peribadi - makanan, pendidikan anak-anak, pakaian, percutian, hiburan, yuran keahlian dsb.
- Perbelanjaan tsb tidak mempunyai kaitan dengan aktiviti perniagaan atau dalam menjalankan profesyen atau pekerjaan.

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

PERBELANJAAN YANG TIDAK KESEMUANYA DAN SEMATA MATA DILAKUKAN **PERENGGAN 39(1)(b)**

Contoh:

- Yuran amal, derma kpd badan kebudayaan atau politik. Wbpun derma yang diluluskan boleh dibenarkan mengikut subseksyen 44(6) dan 44(6A).
- Saraan yg dibayar kpd ahli keluarga peniaga yg melebihi nilai komersial berbanding perkhidmatan mereka.
- Faedah yg dibayar atas pinjaman bank yg digunakan utk pembelian pelaburan.

8

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

MODAL YANG DITARIK BALIK ATAU AMAUN YANG DIGUNAKAN SEBAGAI MODAL **PERENGGAN 39(1)(c)**

- Seseorang yang menjalankan perniagaan menyumbangkan modal dlm perniagaan dan modal tersebut ditarik balik.
- Perbelanjaan bercorak modal spt penambahan atau ubahsuai kepada premis dan tambahan kepada loji dan jentera.

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

BAYARAN KEPADA SKIM YANG TIDAK DILULUSKAN – PER. 39(1)(d)

Bayaran kpd kumpulan wang pencen, kumpulan wang simpanan, skim balu & anak-anak yatim atau kumpulan wang lain **yg tidak diluluskan**.

- Potongan atas caruman KWSP adalah wajib (Perbelanjaan tersebut dibenarkan di bawah subseksyen 34(4))

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

PERBELANJAAN YANG DILAKUKAN DALAM PERNIAGAAN - PERENGGAN 39(1)(e)

Perbelanjaan modal yg dilakukan dlm menjalankan perniagaan berkaitan :

- a) perbelanjaan melombong layak bagi maksud Jadual 2;
- b) perbelanjaan layak bagi loji & jentera, bangunan industri, pertanian atau perhutanan mengikut maksud Jadual 3, atau
- c) perbelanjaan mencari gali layak bagi maksud Jadual 4.

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

BAYARAN FAEDAH ATAU ROYALTI YANG TERBIT DARIPADA MALAYSIA - PERENGGAN 39(1)(f)

Faedah atau royalti yang dibayar kpd bukan pemastautin yg mana cukai pegangan tidak dipotong dan diremitkan kpd KPHDN dlm tempoh sebulan selepas faedah atau royalti dibayar atau dikreditkan.

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

BAYARAN BAGI LESEN/PERMIT MEMBALAK – PERENGGAN 39(1)(g)

Amaun yg dibayar bagi kegunaan suatu lesen atau permit membalak di Malaysia

Kecuali bayaran kpd:

- Kerajaan Negeri atau
- dgn kelulusan Menteri, sebuah badan berkanun atau badan lain yang mana modalnya atau kumpulan wangnya dimiliki kesemuanya atau sebahagian besarnya oleh Kerajaan Negeri atau badan berkanun.

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

BAYARAN KONTRAK - PERENGGAN 39(1)(i)

- **Bayaran kontrak** kpd bukan pemastautin yg mana cukai pegangan mengikut s.107A tidak dibuat dan dibayar kpd KPHDN dlm tempoh 1 bulan selepas bayaran kontrak dibayar atau dikredit.
- Perbelanjaan bayaran kontrak berkenaan hanya akan dibenarkan sebagai potongan mengikut ss. 33(1) apabila cukai pegangan berserta kenaikan 10% dibayar atau dikredit kpd KPHDN - **proviso per. 39(1)(i)**

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

APA-APA BAYARAN - PERENGGAN 39(1)(j)

- Bayaran perkhidmatan teknikal atau sewa mengikut s.4A yang **dibayar** kpd bukan pemastautin yg tertakluk kpd cukai pegangan mengikut s.109B tetapi tidak dibuat potongan & dibayar kpd KPHDN dlm tempoh 1 bulan selepas byran kontrak dibayar atau dikredit.
- Layanan yg sama juga terpakai bagi **pendapatan per. 4(f)** (seperti komisen, fi ejen atau fi broker) yg dibayar kpd bukan pemastautin- s.109F.

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

SEWA KENDERAAN BERMOTOR - PERENGGAN 39(1)(K)

- Bayaran sewa >RM50,000 untuk kenderaan bermotor yg tidak dilesenkan sebagai kenderaan perdagangan utk pengangkutan barangan atau penumpang.
- Jika kenderaan yg disewa belum pernah digunakan dan jumlah kos kenderaan itu tidak >RM150,000, amaun bayaran sewa yg >RM100,000.
- Sekatan RM50,000 dan RM100,000 adalah secara agregat bagi satu tahun taksiran atau tahun-tahun taksiran berikutnya

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

PERBELANJAAN KERAIAN – PERENGGAN 39(1)(I)

Keraian termasuk-

- a) peruntukan makanan, minuman, rekreasi atau sebarang bentuk hospitaliti; atau
- b) Peruntukan tempat kediaman atau perjalanan yg berkaitan dgn atau bertujuan utk memudahkan pemberian keraian sepe di atas oleh seorang atau pekerjanya berhubung dgn perdagangan/pemiagaan, dijalankan - Seksyen 18



Rujuk Ketetapan Umum No 4/2015 : Perbelanjaan Keraian

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

KEMUDAHAN KEPADA PEKERJA BERKAITAN TAMBANG BERECUTI - **PERENGGAN 39(1)(m)**

- Sebagai insentif utk mencapai sesuatu sasaran yg ditetapkan misalnya, syarikat memperkenalkan manfaat atau kemudahan yg diberikan kpd pekerjaanya berupa tambang percutian percuma utk perjalanan dalam & luar Malaysia.
- Perbelanjaan tambang percutian percuma untuk perjalanan dalam & luar Malaysia yang diberikan kepada seseorang pekerja tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun perbelanjaan ini tertakluk kepada sub perenggan 39(1)(l)(i) dan 39(1)(l)(viii).

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

GAJI @ APA2 BAYARAN KPD AHLI KONGSI PERKONGSIAN LIABILITI THD - **PERENGGAN 39(1)(n)**

- Bayaran gaji ahli kongsi tidak dibenarkan jika tidak dinyatakan dalam perjanjian.

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

APA2 BAYARAN YANG MANA CUKAI BOLEH DIPOTONG MENGIKUT SEKSYEN 109A - **PERENGGAN 39(1)(q)**

- Penghibur awam yang bukan bermastautin memperoleh pendapatan dari Malaysia tertakluk kpd seksyen 109A.
- Penganjur atau ejen yang gagal meremitkan amaun tersebut ke LHDNM tidak layak menuntut perbelanjaan itu dalam menentukan pendapatan larasan mengikut perenggan 39(1)(q)
- Proviso hanya membenarkan jika cukai pegangan dijelaskan.

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

TIADA POTONGAN DIBENARKAN TANPA SERAHAN DOKUMEN DALAM TEMPOH- **PERENGGAN 39(1A)**

- ❖ Jika pembayar cukai gagal mengemukakan dokumen sokongan sesuatu perbelanjaan dalam tempoh ditetapkan oleh KPHDN, perbelanjaan yang dituntut tidak dibenarkan.
- ❖ Kecuali dalam keadaan diluar kawalan pembayar cukai

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

FORMAT PENGIRAAN UNTUK PENDAPATAN PUNCA SELAIN PERNIAGAAN [p 4(b) – 4(f)]

PENDAPATAN BERKANUN PERNIAGAAN

PENDAPATAN BERKANUN PUNCA SELAIN PERNIAGAAN

- Penggajian
- Dividen,
- Faedah
- Sewa
- Royalti
- Pencen
- Pendapatan lain

PENDAPATAN AGREGAT

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

FORMAT PENGIRAAN CUKAI

PENDAPATAN AGREGAT

- (-) Rugi larasan perniagaan tempoh asas ss44(2)
- (-) Derma/hadiah/sumbangan ss44(6) – 44(11C)

JUMLAH PENDAPATAN

- (-) Pelepasan – s 45A hingga 49

PENDAPATAN BERCUKAI

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022

FORMAT PENGIRAAN CUKAI

PENDAPATAN BERCUKAI

- Penentuan kadar cukai – Jadual 1
- Pengiraan cukai pendapatan

CUKAI DIKENAKAN

- (-) Rebat – s 6A
 - Rebat Diri
 - Rebat Zakat

CUKAI KENA DIBAYAR

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022



SOAL SELIDIK KEBERKESANAN PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN CUKAI HASIL

Kami amat berbesar hati sekiranya tuan/puan dapat memberikan pandangan dan maklum balas terhadap pelaksanaan program agar kualiti program dapat dipertingkatkan selari dengan visi dan misi LHDNM.

Terima kasih.

Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Imbas Kod QR ini untuk maklum balas anda



Jika anda menghadapi masalah berkenaan **e-Filing**, sila:

Hubungi talian utama:

03-8911 1000 (HASIL CARE LINE)

03-8751 1000 (HASIL RECOVERY CALL CENTRE)

Hadir ke Cawangan LHDNM yang berhampiran

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022



Building Sustainable Future
TOGETHER

TERIMA KASIH



/LHDNM



/LHDNOfficial



/LHDNM



www.hasil.gov.my



www.hasil.gov.my



03-8911 1000

Hasil Care Line



03-8751 1000

Hasil Recovery Call
Centre

TARIKH KEMASKINI 23/02/2022



MyTax

Web Responsif &
Aplikasi Mobile

Gerbang Informasi Percukaian

Single Sign-On
Untuk Semua
Perkhidmatan

Dashboard Ringkas
& Padat

Pusat Untuk Semua e-Perkhidmatan LHDNM



Download on the
App Store

GET IT ON
Google Play

EXPLORE IT ON
AppGallery